

# Membudayakan penyelidikan

UB 21.5.2014 813



**MINDA PENDIDIK**

**MUHAMMAD SUHAIMI TAAT**

Bersama, Mohd Yusof Abdullah,  
Baharom Mohamad, Roslee Talip,  
Abdul Said Ambotang dan Shukri Zain

Dalam dunia yang penuh dengan persaingan ini, bidang pendidikan tidak terkecuali daripada menghadapi pelbagai cabaran untuk memenuhi

tuntutan global. Negara kita juga khususnya kementerian yang berkaitan tidak pernah rehat daripada memikirkan isu, cabaran dan keperluan yang perlu ditangani agar aspek pendidikan di negara ini adalah setaraf dengan negara-negara lain. Justeru pelbagai pendekatan dan polisi diperkenalkan bermula seawal era pra merdeka dan pasca merdeka dan sehinggalah era melanium sekarang. Namun apa yang menggusarkan kita adalah beberapa program dan polisi yang diperkenalkan dan dilaksanakan tidak menunjukkan pencapaian yang dijangkakan.

Antara contoh yang paling nyata adalah kegagalan program PPSMI. Setelah ribuan jutaan wang ringgit dilaburkan, hasil yang diharapkan tidak mencapai sasarannya. Persoalannya, apakah faktor kepada kegagalan polisi dan program seumpama itu? Penulis berpendapat, kurangnya kajian yang dijalankan sebelum sesuatu polisi atau program itu dilaksanakan adalah antara faktor utama mengapa ianya menemui kegagalan. Maka, dalam ruang yang agak terhad ini, penulis ingin berkongsi berkaitan konsep penyelidikan secara umum sebelum membincangkannya dengan lebih terperinci pada akan datang.

Hakikatnya ilmu pengetahuan dan maklumat datangnya daripada pelbagai sumber. Sumber-sumber itu pula perlulah berasal daripada sumber yang sah dan boleh dipercayai. Sebarang pandangan, pengamatan atau pengalaman seseorang individu semata-mata, walaupun datangnya daripada seorang yang dikatakan pakar dalam bidang berkaitan sebenarnya tidaklah boleh dijadikan asas utama atau panduan sumber ilmu pengetahuan yang sahih. Ini adalah kerana hanya maklumat atau pengetahuan yang disandarkan kepada bukti-bukti yang diperoleh daripada kajian yang saintifik boleh dijadikan asas kepada pembinaan teori dan pandangan-pandangan dalam satu-satu disiplin keilmuan. Oleh yang demikian, sumber ilmu pengetahuan atau maklumat yang hendak disampaikan khususnya dalam dunia pendidikan memerlukan kepada inkuiri dan penemuan saintifik dalam mendapatkan sebarang maklumat khususnya yang terkini.

Secara umumnya, sesuatu kajian itu dilaksanakan bertujuan mendapatkan jawapan atau kebenaran yang mempunyai logik mengenai sesuatu keadaan atau peristiwa, tetapi tidaklah ianya bererti bahawa kebenaran yang didapati itu merupakan kebenaran yang muktamad mengenai sesuatu fenomena itu. Fakta-fakta yang lebih terkini atau fakta-fakta yang tidak diperoleh semasa penyelidikan itu dilaksanakan mungkin akan timbul pada masa akan datang dan sudah tentu keadaan ini akan mengubah keputusan penyelidikan terdahulu yang dijalankan.

Oleh yang demikian, bolehlah dinyatakan bahawa penyelidikan merupakan usaha mencari data yang akan dipergunakan untuk menguji sesuatu kenyataan atau hipotesis, untuk menjawab atau merungkai sesuatu persoalan tertentu, atau mungkin juga hanya sekadar ingin mengetahui samada wujud ataupun tidak sesuatu persoalan atau fenomena itu. Dari segi perkembangan ilmu penyelidikan, jelas membuktikan penyelidikan adalah satu langkah sistematik yang mengkaji perhubungan di antara pembolehubah (variabel). Langkah sistematik inilah sebenarnya aspek yang terpenting di dalam konsep asas penyelidikan. Seseorang itu mungkin melakukan sesuatu kajian ataupun pemerhatian, tetapi tindakan berkenaan tidak akan membawa sebarang makna yang mempunyai nilai atau yang memberikan sebarang kesan sekiranya proses dan langkah sistematik yang sepatutnya dilaksanakan tidak dipatuhi sepenuhnya.

Di samping itu, penyelidikan pendidikan boleh dijelaskan sebagai satu kaedah yang tersusun, sistematik atau teratur dan bersifat objektif serta bebas dari pertimbangan nilai (bias). Kesahihan dapatan dan laporan juga perlu dibantu dan disokong oleh teknik penganalisisan dan penakulan data yang tepat seperti yang dipilih dan dilaksanakan oleh penyelidik. Sesuatu kajian mempunyai rasional yang tertentu ke arah menyumbang kepada pembinaan pengetahuan baru. Weber (1993) menekankan bahawa kajian dapat membantu penyelesaian masalah yang dihadapi dalam kehidupan. Secara kesimpulan, tujuan membuat kajian adalah berasaskan beberapa sebab.

Pertamanya, membuat jangkakan terhadap sesuatu fenomena yang bakal berlaku. Seterusnya dengan melaksanakan kajian akap dapat menyediakan maklumat yang penting berkaitan dengan fenomena yang dijangkakan.

Kajian juga berfungsi untuk memberi penjelasan iaitu kajian dapat menjelaskan fenomena yang dikaji. Fungsi lain ialah menyediakan deskripsi sesuatu fenomena iaitu dapat menyediakan deskripsi berkaitan dengan bidang yang dikaji dalam membantu untuk memahami fenomena yang dikaji.

Akhirnya dengan melaksanakan kajian akan dapat membantu menyelesaikan masalah iaitu dapat membantu ke arah penyelesaian terhadap sesuatu masalah yang timbul untuk jangka masa pendek atau panjang.

\* Penulis adalah Pensyarah Kanan di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah.